

10/02/2004

BPR tahan Eric Chia (HL)

Norfatimah Ahmad; Veena Rusli; Fazli Abdullah; Shamsul Azree Samshir
KUALA LUMPUR: Selepas lapan tahun disiasat berhubung kerugian berbilion ringgit yang dialami Perwaja Steel Sdn Bhd, bekas Pengarah Urusannya, Tan Sri Eric Chia Eng Hock, ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) petang semalam.

Chia, 71, yang menerajui syarikat pengeluar besi waja itu dari 1988 hingga 1995, ditahan di kediamannya di Petaling Jaya, selepas dipercayai diekori oleh pegawai BPR dan polis dari Ipoh.

Penahanannya itu disahkan oleh Jabatan Peguam Negara dan BPR dalam satu kenyataan dua perenggan di sini.

Menurut kenyataan itu, Chia ditangkap oleh sepasukan anggota BPR di kediamannya di Petaling Jaya pada jam 3.45 petang semalam dan akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail yang dihubungi pula yakin dengan bukti yang diperoleh termasuk bantuan daripada beberapa negara bagi mendakwa Chia.

"Kami sudah mengumpul bukti yang mencukupi untuk membawa kes ini ke muka pengadilan," katanya dipetik TV3.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terdapat beberapa prosedur yang perlu diikuti bagi memastikan pendakwaan berjalan lancar.

Sementara itu, sumber memberitahu Berita Harian, pegawai BPR mengekori kenderaan bernombor pendaftaran WBT 8 berwarna perak yang dinaiki Chia, dari Ipoh sehingga ke Plaza Tol Sungai Buloh.

Dari plaza tol berkenaan, sepasukan enam anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya turut mengekori kenderaan itu hingga ke rumah Chia di Petaling Jaya.

Ketika itu, pemandu kenderaan berkenaan dikatakan memecut selepas dipercayai menyedari mereka diekori. Bagaimanapun, kenderaan itu berhenti di rumah No 29 Jalan 14/56, Petaling Jaya.

Menurut sumber itu, pegawai BPR mulanya tidak dibenarkan masuk untuk menyerahkan waran tangkap kerana keluarga Chia enggan bekerjasama, menyebabkan pegawai polis yang turut berada di situ terpaksa campur tangan.

"Selepas berunding, pegawai BPR dibenarkan menyerahkan waran tangkap kira-kira jam 3.45 petang," katanya.

Chia, yang memakai baju-T berlengan pendek kelabu dan seluar hitam, kemudiannya dibawa ke Hospital Putrajaya dengan kenderaannya, yang diiringi dua kereta peronda, kerana mendakwa mempunyai masalah jantung dan menghidap kencing manis.

Ditemani seorang doktor peribadi dan pembantu wanita, Chia tiba di Hospital Putrajaya pada jam 4.20 petang dengan membawa bersama sebuah 'briefcase' hitam. Sebaik tiba, Chia yang menggunakan kerusi roda, dimasukkan ke Wad 4A Bilik 28 untuk rawatan.

Perwaja mula disiasat oleh BPR dan polis sejak 1996 dengan lebih 50 saksi, termasuk di luar negara ditemui. Selain Chia, yang diambil keterangan sebanyak dua kali, sebilangan kakitangan Perwaja turut dipanggil untuk membantu siasatan.

Kerajaan mengarahkan siasatan itu selepas satu laporan audit oleh firma audit Coopers and Lybrand menunjukkan kedudukan kewangan Perwaja dalam keadaan tenat.

Syarikat pengeluar besi waja yang berpangkalan di Terengganu itu dikatakan menanggung beban hutang RM10 bilion membabitkan RM926 juta dalam

liabiliti semasa, RM6 bilion dalam liabiliti jangka panjang dan kerugian terkumpul hampir RM3 bilion.

Pada Ogos 1999, Ketua Pengarah BPR ketika itu, Datuk Ahmad Zaki Husin, berkata siasatan kes Perwaja antara kes yang mengambil masa paling lama pernah dikendalikan oleh badan itu. Ia mengambil masa kerana kes itu membabitkan institusi dan individu di luar negara.

Ahmad Zaki berkata, walaupun maklumat boleh diperolehi atas dasar kerajaan-dengan-kerajaan, beberapa perkara masih tidak dapat diselesaikan dan tiada pihak yang tampil untuk membantu.

Selain itu, BPR mengesan wang berkenaan dimasukkan ke akaun sebuah syarikat berdaftar di British Virgin Island selepas dikeluarkan dari negara ini ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Walaupun ia dianggap bukti penting untuk menunjukkan kewujudan amalan rasuah ataupun transaksi tidak sah dalam Perwaja, BPR tidak mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat akaun bank di Switzerland itu.

Bagaimanapun, lawatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ke Switzerland pada pertengahan 2002 membawa perkembangan positif apabila pihak berkuasa negara itu membuat keputusan memberi kelonggaran dalam kes tertentu membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir diberi jaminan mengenai kesediaan Switzerland untuk membantu pihak berkuasa Malaysia mendapat maklumat daripada bank negara itu mengenai deposit wang yang disyaki diperolehi secara haram, termasuk berhubung kes Perwaja.

Pada 7 November lalu, seminggu selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berikrar usaha membanteras gejala rasuah menjadi keutamaan pentadbirannya, berkata beliau telah meminta Jabatan Peguam Negara untuk menyampaikan kepadanya kemajuan siasatan Perwaja dan kes seumpamanya yang lain.